

# DPIM A kejutkan Putra BC



Para pemain DPIM A bersama Presiden DPIM, Mohammad Sahar Mat Din selepas kejohanan itu.

**DEWAN Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) A membuktikan mereka dalam kelas tersendiri apabila menjuarai Kejohanan Badminton Jemputan Piala Presiden DPIM yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.**

DPIM A mengejutkan juara bertahan Putra BC 2-0 pada pentas final yang menyaksikan penyertaan sembilan pasukan termasuk Kelab Badminton ABBC, KBB, Bangi Tang-

kis, KB Tarantula, Medic RC, KB MAIWP dan DPIM B.

DPIM A membawa pulang RM500 beserta piala, sijil dan medal manakala Putra BC pula membawa pulang RM300 beserta sijil dan medal sementara tempat ketiga dikongsi Tarantula dan Medic RC.

Menurut pengarah kejohanan, Fakrul Hafidz Sukri, kejohanan itu berjaya mencapai objektif penganjuran yang ditetapkan Pusat Kokurikulum UPM.

“Kejohanan ini antara

projek akhir bagi penuntut Kursus Badminton yang merupakan salah satu daripada subjek Kokurikulum Berkredit yang diwajibkan oleh mana-mana universiti awam di negara ini.

“Ia juga bertujuan memberikan pengalaman kepada pelajar menguruskan kejohanan yang besar di samping menggalakkan sifat tanggungjawab, memupuk semangat bekerjasama dan membina jati diri dan insaniah dalam kalangan pelajar pelbagai kaum,” katanya.